



## **Tune Protect Travel Insurance by AirAsia Pelan Sehala Antarabangsa (WPUA)**

Pelan insurans ini ditawarkan kepada individu yang membeli tiket penerbangan Sehala Antarabangsa (yang akan dirujuk sebagai "Orang yang Diinsuranskan/Anda") daripada AirAsia Berhad (284669-W) atau AirAsia X Bhd (734161-X) (AirAsia)

### **RINGKASAN MANFAAT**

Perlindungan ini tidak termasuk untuk bayi dan adalah seperti berikut:-

<b>Manfaat</b>		<b>Jumlah yang Diinsuranskan</b>
<b>1. Manfaat Kemalangan Peribadi</b>		
	Kemalangan Peribadi - Kematian dan kecacatan akibat kemalangan	Sehingga RM275,000.00
<b>2. Manfaat Ketidakselesaan Perjalanan</b>		
2.(a)	Pembatalan Penerbangan - Bayaran balik untuk bahagian tiket yang tidak digunakan atau tidak boleh dipulangkan jika Anda tidak dapat menaiki Penerbangan yang Dijadualkan pada Tarikh Berlepas Pertama yang Dijadualkan akibat daripada kejadian Diinsuranskan	Sehingga RM5,000.00
2.(b)	Bagasi dan Barang Peribadi - Melindungi kehilangan atau kerosakan bagasi, pakaian dan barang kegunaan peribadi Anda.	Sehingga RM5,000.00 (Maksimum RM500.00 untuk setiap satu barang.) Akses sebanyak RM50.00 untuk setiap tuntutan.
2 (b)i	Penangguhan Bagasi - Untuk setiap 6 jam penangguhan berturut turut yang bermula daripada waktu ketibaan yang telah dijadualkan sehingga waktu menerima bagasi	Sehingga RM800.00 (RM200.00 untuk setiap enam jam penangguhan berturut turut)
2.(c)	Penangguhan Penerbangan AirAsia - Bayaran dengan kadar rata untuk setiap 6 jam penangguhan berturut turut dari penerbangan asal yang telah dijadualkan	Sehingga RM1,050.00 (RM150.00 setiap 6 jam penangguhan penerbangan)
2.(d)	Ketinggalan Penerbangan Sambungan - Dengan syarat tiada penerbangan sambungan yang boleh didapati dalam masa 6 jam dari jadual pelepasan penerbangan yang terlepas akibat daripada penangguhan penerbangan sambungan AirAsia.	Sehingga RM600.00 (RM300.00 setiap enam jam penangguhan berturut turut).
2.(e)	Jaminan Ketepatan Masa - Penangguhan penerbangan melebihi dua (2) jam penangguhan berturut turut dari waktu asal yang dijadualkan yang berpunca daripada AirAsia sahaja.	Sehingga RM200.00
3	<b>24 jam Perkhidmatan Bantuan Perjalanan Seluruh Dunia</b>	Termasuk

Ver. 16.08.2016

**Tune Insurance Malaysia Berhad (30686-K)**

Level 9, Wisma Tune, No 19 Lorong Dungun, Damansara Heights, 50490, Kuala Lumpur  
Office: +603 2087 9000 Fax: +603 2094 1366 Website: tuneinsurance.com



## Tune Protect Travel Insurance by AirAsia – Pelan Sehala Antarabangsa (WPUA)

Apabila Anda telah memohon dan membayar premium untuk dilindungi oleh insurans ini dan memiliki salinan polisi Tune Protect Travel Insurance by AirAsia – Pelan Sehala Antarabangsa, Tune Insurance Malaysia Berhad (yang akan dirujuk sebagai “Syarikat/Kami” selepas ini) bersetuju untuk melindungi individu (yang akan dirujuk sebagai “Orang yang Diinsuranskan/Anda” selepas ini) yang telah membeli tiket penerbangan antarabangsa sehala daripada AirAsia Berhad atau AirAsia X Bhd terhadap sebarang kerugian seperti yang telah diinsuranskan di dalam Polisi Induk (yang akan dirujuk sebagai “Polisi”), tertakluk kepada pengecualian, pembatasan dan syarat yang terkandung di dalam Polisi.

### Definisi

Kemalangan	merujuk kepada kejadian yang berlaku di luar kawalan dan berpunca daripada unsur-unsur luaran yang jelas dan ganas dan menyebabkan kecederaan fizikal.	Negara Ketibaan	merujuk kepada negara yang Anda dijadualkan untuk tiba.
AirAsia Kredit Shell	merujuk kepada jumlah dikreditkan oleh AirAsia ke dalam AirAsia ID Anda	Wabak Penyakit	merujuk kepada penyakit yang merebak dengan pantas secara tiba-tiba dan memberi kesan dalam masa yang singkat, bilangan manusia yang besar di dalam satu kawasan geografi. Contohnya, SARS/Swine Flu (H1N1)/Bird Flu.
Tiket Penerbangan (juga dikenali sebagai tempat duduk yang dibeli dari sistem e-tiket AirAsia)	merujuk kepada mana-mana tiket penerbangan yang dikeluarkan atas nama Anda dengan AirAsia untuk perjalanan seperti yang dinyatakan dalam jadual perjalanan (Pengesahan elektronik bila yang diterima masa pembelian dibuat menerusi internet).	Tarikh Pertama Perlepasan	merujuk kepada tarikh berlepas seperti yang tertera di Jadual Penerbangan Anda .
Kecederaan Anggota Badan	merujuk kepada kecederaan yang dialami oleh Anda disebabkan semata-mata dan secara langsung oleh Kemalangan, tidak termasuk apa-apa keuzuran, penyakit atau masalah kesihatan.	Peperangan Asing	merujuk kepada peperangan bersenjata sama ada diisyitharkan atau tidak, diantara dua atau lebih negara.
Sijil Insurans	merujuk kepada pengesahan perlindungan insurans perjalanan Tune Protect Travel Insurance by AirAsia yang dikeluarkan secara elektronik apabila pembelian dibuat menerusi internet.	Rampasan	merujuk kepada penyataan menyalahi undang-undang, atau menjalankan kawalan atau ancaman dengan kekerasan atau keganasan dengan niat salah
Perang Saudara	merujuk kepada peperangan bersenjata antara dua atau lebih pihak dari satu negara yang sama dimana pihak-pihak tersebut terdiri daripada kumpulan yang berlainan etnik, agama dan ideologi. Definisi ini turut meliputi penentangan bersenjata, revolusi, hasutan, pemberontakan, rampasan kuasa dan kesan daripada undang-undang ketenteraan.	Hospital	merujuk kepada, kecuali definisi lain yang diberikan, sebuah Hospital (selain daripada institusi untuk warga emas, pesakit tenat atau pusat pemulihan, pusat penjagaan atau rumah rehat) yang beroperasi di bawah undang-undang untuk menjaga dan merawat orang yang sakit atau cedera dan mempunyai kelengkapan yang teratur untuk diagnosis dan pembedahan dan mempunyai perkhidmatan penjagaan 24 jam dan pemerhatian perubatan dan bermaksud juga sebuah tempat dimana:- (a) mempunyai lesen yang sah (seperti yang dirangkan dalam undang-undang) (b) operasi utama adalah untuk menjaga dan merawat orang

**Tune Insurance Malaysia Berhad (30686-K)**

Level 9, Wisma Tune, No 19 Lorong Dungun, Damansara Heights, 50490, Kuala Lumpur  
Office: +603 2087 9000 Fax: +603 2094 1366 Website: tuneinsurance.com



	<p>yang sakit dan cedera</p> <p>(c) mempunyai seorang doktor atau lebih yang bertugas pada setiap masa</p> <p>(d) menyediakan khidmat penjagaan 24 jam dan sekurang-kurangnya seorang jururawat profesional berdaftar yang bertugas pada setiap masa</p> <p>(e) mempunyai sistem diagnosis dan pembedahan yang teratur sama ada di dalam tempat yang sama atau di tempat lain yang telah disediakan lebih awal</p>	<p><b>Anda</b></p> <p>penerbangan yang telah dijadualkan dan Sijil Tune Protect Travel Insurance by AirAsia – Pelan Sehala Antarabangsa telah dikeluarkan di atas namanya.</p>
Ahli Keluarga Terdekat	<p>merujuk kepada ahli keluarga terdekat Anda adalah :-</p> <p>(i) suami/isteri sah</p> <p>(ii) anak angkat dan/atau anak kandung yang sah</p> <p>(iii) menantu</p> <p>(iv) adik-beradik</p> <p>(v) adik-beradik ipar</p> <p>(vi) ibu bapa</p> <p>(vii) ibu bapa mertua</p> <p>(viii) datuk nenek</p> <p>(ix) datuk dan nenek mertua</p> <p>(x) cucu cicit</p> <p>(xi) penjaga yang sah</p> <p>(xii) ward</p> <p>(xiii) anak di bawah jagaan yang sah</p> <p>(xiv) anak tiri atau anak angkat</p> <p>(xv) ibu bapa tiri</p> <p>(xvi) ibu saudara</p> <p>(xvii) bapa saudara</p> <p>(xviii) anak saudara lelaki/perempuan</p> <p>yang menetap di negara yang sama dengan Anda</p>	<p><b>Penerbangan Semasa</b></p> <p>merujuk kepada penerbangan AirAsia yang telah diambil oleh Anda dari titik pertama berlepas dan telah membeli Polisi Perjalanan Perlindungan Air Asia.</p> <p><b>Penerbangan Selepas</b></p> <p>merujuk kepada Jadual Penerbangan dari syarikat penerbangan berlesen yang telah ditempah oleh Anda untuk penerbangan yang seterusnya.</p> <p><b>Doktor</b></p> <p>Merujuk kepada seseorang doktor perubatan atau doktor osteopati yang mempunyai lesen untuk memberikan khidmat perubatan atau membuat pembedahan berlandaskan undang-undang yang berkenaan untuk khidmat tersebut dilakukan, tetapi, definisi ini tidak termasuk ahli terapi dan fisioterapi. Doktor Penasihat tidak boleh memberi nasihat rawatan untuk dirinya sendiri jika dia adalah Orang yang Diinsuranskan, kepada pasangan suami/isterinya, seseorang yang menaiki penerbangan untuk mengiringinya atau ahli keluarga terdekatnya.</p> <p><b>Pandemik</b></p> <p>merujuk kepada penyakit berjangkit yang merebak, yang memenuhi kriteria seperti yang ditetapkan oleh World Health Organisation (WHO) yang tersebar keseluruh populasi di seluruh kawasan yang besar atau seluruh dunia.</p> <p>(i) kemunculan penyakit baru untuk sesuatu populasi</p> <p>(ii) Penyakit yang menjangkiti manusia, menyebabkan penyakit yang serius</p> <p>(iii) Penyakit yang mudah berjangkit dan berlaku di kalangan manusia</p>
Tetamu yang Diinsuranskan AirAsia	<p>merujuk kepada tetamu yang diinsuranskan di bawah Tune Protect Travel Insurance by AirAsia – Sijil Insurans Perjalanan Sehala Antarabangsa selepas Polisi Induk dihantar secara online oleh pihak AirAsia, yang telah sekaligus membeli perlindungan ini apabila membeli tiket penerbangan tersebut.</p>	<p><b>Keadaan Sedia Ada</b></p> <p>merujuk kepada apa-apa penyakit atau keadaan kesihatan yang tidak normal yang dialami oleh Anda dalam masa 90 hari sebelum tarikh pembelian tiket</p>
Orang yang Diinsuranskan,	merujuk kepada pelanggan AirAsia yang membeli tiket	

**Tune Insurance Malaysia Berhad (30686-K)**

Level 9, Wisma Tune, No 19 Lorong Dungun, Damansara Heights, 50490, Kuala Lumpur  
Office: +603 2087 9000 Fax: +603 2094 1366 Website: tuneinsurance.com

	penerbangan :- (i) pertama kali muncul, menjadi lebih teruk dan kronik atau menunjukkan simptom-simptom yang jika muncul kepada orang-orang yang biasa, mereka akan pergi merujuk kepada doktor untuk diagnosis dan rawatan; atau (ii) di bawah rawatan doktor atau rawatan sudah disarankan oleh doktor; atau (iii) memerlukan pengambilan dadah atau ubat secara preskripsi	tidak dikecualikan di dalam Polisi ini.
Pengangkutan Awam	merujuk kepada perkhidmatan keretapi, bas, teksi atau feri yang digunakan oleh Anda untuk menaiki penerbangan.	Kecurian merujuk kepada kehilangan kekal atau kerosakan barang-barang di mana: - terdapat bukti fizikal kerosakan - barang-barang diambil tanpa kebenaran Anda
Bayaran yang Biasa dan Berpatutan	merujuk kepada perbelanjaan yang dikenakan untuk perubatan / rawatan hospital, bekalan atau perkhidmatan perubatan yang diperlukan untuk merawat keadaan Anda; ia tidak boleh melebihi tahap biasa caj yang dikenakan untuk rawatan tempatan, bekalan atau perkhidmatan perubatan di standard perubatan yang diterima dan amalan.	Masa Mana-mana rujukan untuk masa atau tarikh di dalam Polisi atau di dalam konteks tempoh perlindungan adalah merujuk kepada waktu di Malaysia.
Penerbangan yang Dijadualkan	merujuk kepada penerbangan komersial yang telah dijadualkan oleh AirAsia.	Perjalanan Merujuk kepada masa di antara Permulaan Perlindungan dan Tarikh Tamat Perlindungan.
Penyakit Serius	Apabila merujuk kepada Anda atau Ahli Keluarga Terdekat Anda, ia akan merujuk kepada penyakit yang disahkan sebagai penyakit yang mengancam nyawa dan memerlukan rawatan yang segera oleh doktor dan menyebabkan Anda atau Ahli Keluarga Terdekat Anda disahkan oleh doktor sebagai tidak sesuai untuk mengembara atau meneruskan perjalanan seperti yang dijadualkan.	Masa Permulaan Perlindungan (i) Kecuali daripada Manfaat Pembatalan Penerbangan, perlindungan bermula dari masa mendaftar masuk pada Tarikh Berlepas yang pertama untuk Penerbangan yang Dijadualkan. (ii) Perlindungan untuk Manfaat Pembatalan Penerbangan bermula pada 24 jam dari tarikh pembelian tiket penerbangan untuk Penerbangan yang Dijadualkan pada Tarikh Berlepas yang pertama.
Penyakit	merujuk kepada mana-mana perubahan kesihatan fizikal yang ketara oleh Anda yang memerlukan penjagaan dan rawatan oleh doktor yang bertauliah untuk merawat penyakit tersebut, dan penyakit tersebut	Masa Tamat Perlindungan 1. Kecuali daripada Manfaat Pembatalan Penerbangan, perlindungan berakhir apabila Anda meninggalkan lapangan terbang di negara destinasi. 2. Perlindungan untuk Manfaat Pembatalan Penerbangan berakhir pada Tarikh Berlepas yang Pertama.



## Manfaat

### SEKSYEN 1 – MANFAAT KEMALANGAN PERIBADI

Jika berlaku kemalangan semasa Penerbangan, dan jika Anda mengalami kecederaan fizikal disebabkan oleh kejadian tersebut yang mengakibatkan kematian atau kecacatan kepada Anda, Kami akan, tertakluk kepada pengecualian, pembatasan dan syarat seperti yang terdapat di dalam Polisi, akan membayar ganti rugi seperti yang terdapat di dalam Jadual Ganti Rugi di bawah:-

Jadual Ganti Rugi		
	Kejadian	Peratusan Jumlah Manfaat
1	Kematian akibat kemalangan	100%
2	Kehilangan penglihatan secara keseluruhan dan tidak boleh dirawat untuk sebelah atau kedua-dua belah mata	100%
3	Kecacatan kekal untuk sebelah atau kedua-dua belah anggota badan	100%
4	Kehilangan penglihatan secara keseluruhan untuk sebelah mata dan kehilangan daya untuk satu anggota badan	100%
5	Kehilangan Upaya Kekal, selain daripada kehilangan daya penglihatan atau anggota	100%

Kehilangan upaya mata dan anggota badan hanya akan dilindungi sekiranya :

- (1) Kematian atau kehilangan upaya berlaku dalam masa 180 hari kalender selepas tarikh kejadian yang menyebabkan kematian atau kehilangan upaya tersebut;
- (2) Had pembayaran maksima bagi Kami untuk dibayar kepada Anda adalah sebanyak 100% daripada Jumlah yang Diinsuranskan untuk Manfaat Kemalangan Peribadi seperti yang tercatat di Pelan Perlindungan Insurans.

### Perlindungan daripada Pendedahan dan Hilang

Jika Anda, berikutan daripada kemalangan, tidak dapat mengelak daripada terdedah kepada unsur-

unsur yang menyebabkan kecederaan anggota badan seperti yang tertera di dalam Jadual Ganti Rugi di atas, untuk satu jangka masa sebelum diselamatkan, kecederaan tersebut akan dianggap sebagai kecederaan yang disebabkan oleh kemalangan itu.

Jika Orang yang Diinsuranskan tidak dijumpai dalam masa setahun dari tarikh berlakunya penenggelaman atau terhempasnya kapal terbang yang dijadualkan dan dinaiki oleh Orang yang Diinsuranskan, beliau akan dianggap sebagai sudah meninggal dunia untuk tujuan manfaat perlindungan insurans yang diberikan.

### SEKSYEN 2 – MANFAAT KETIDAKSELESAAN PERJALANAN

Manfaat Ketidakselesaan Perjalanan yang terdapat di bawah adalah tertakluk kepada had liabiliti seperti yang tertera di Ringkasan Jadual Manfaat.

#### Seksyen 2 (a) – Pembatalan Penerbangan

Kami akan membayar balik Anda sehingga had maksima seperti yang tercatat di dalam Ringkasan Jadual Manfaat di bahagian Manfaat Pembatalan Penerbangan untuk mana-mana bahagian tiket yang tidak digunakan atau yang tidak boleh dipulangkan jika pada masa berlepas yang dijadualkan, Anda tidak dapat menaiki Penerbangan yang Dijadualkan pada Tarikh Berlepas Pertama yang Dijadualkan akibat daripada mana-mana kejadian seperti yang disebut di bawah:-

- (a) Kejadian yang berkaitan dengan Ahli Keluarga Terdekat Anda yang mengalami:-
  - (i) kematian; atau
  - (ii) dimasukkan ke hospital, yang memerlukan kehadiran Anda, dan tidak dijangka pada waktu pembelian tiket penerbangan
- (b) Kejadian yang berkaitan dengan:-
  - (i) Anda perlu dimasukkan ke hospital kerana Penyakit yang serius atau kecederaan anggota badan yang serius yang tidak dijangkakan berlaku pada waktu pembelian tiket penerbangan
  - (ii) kerosakan serius yang dialami oleh kenderaan Anda dalam masa 48 jam sebelum Tarikh Perlepasan Pertama;
  - (iii) Kerosakan serius yang dialami oleh kediaman Anda yang disebabkan oleh kebakaran, banjir atau bencana alam yang seakan dengannya seperti puting beliung, gempa bumi, taufan dan lain-lain yang

**Tune Insurance Malaysia Berhad (30686-K)**

Level 9, Wisma Tune, No 19 Lorong Dungun, Damansara Heights, 50490, Kuala Lumpur  
Office: +603 2087 9000 Fax: +603 2094 1366 Website: tuneinsurance.com



- memerlukan kehadiran Anda di premis pada Tarikh Perlepasan Pertama;
- (iv) Anda telah diculik, ditahan, dikuarantinkan atau disepina untuk menghadiri perbicaraan sivil.
  - (v) Pengangkutan awam yang Anda menaiki terlibat dalam Kemalangan atau kerosakan, menghalang Anda untuk menaiki Penerbangan pada Tarikh Berlepas Pertama.

#### **Pengecualian khas untuk Seksyen 2 (a) – Pembatalan Penerbangan**

Kami tidak akan bertanggungjawab untuk kerugian yang disebabkan oleh secara langsung atau tidak (sebahagian atau keseluruhan) daripada:-

- (i) perlakuan jenayah oleh Anda
- (ii) pembatalan Penerbangan yang Dijadualkan disebabkan oleh kejadian yang berikut:-
  - (a) peperangan, rusuhan, tunjuk perasaan dan gerakan pengganas
  - (b) apa-apa keadaan kesihatan yang sedia ada
  - (c) apa-apa kesan daripada punca radioaktif
  - (d) pencemaran alam
  - (e) wabak penyakit
  - (f) Pandemic
  - (g) bencana alam
  - (h) kejadian iklim seperti pencairan salji dan lain-lain
  - (i) mana-mana kerugian yang jumlah ganti rugi telah di bayar oleh AirAsia

#### **Seksyen 2 (b) – Bagasi dan Barang Peribadi yang dibawa Bersama**

Kami akan membayar balik Anda sehingga limit maksima seperti yang tercatat di dalam Ringkasan Jadual Manfaat di bahagian Bagasi dan Barang Peribadi, tertakluk kepada akses sebanyak RM50.00 sahaja untuk setiap tuntutan dan had sebanyak RM500.00 untuk setiap satu barang, untuk seorang Orang yang Diinsuranskan bagi satu Penerbangan yang Dijadualkan yang disebabkan oleh:-

- (i) kecurian atau kerosakan yang berpunca daripada kecurian atau percubaan mencuri ;
- (ii) kerugian atau kerosakan kepada bagasi dan barang peribadi Anda termasuk apa-apa jenis bagasi, beg tangan dan kandungannya, sama ada didaftar masuk atau dibawa dengan tangan, yang disebabkan oleh AirAsia.

Hanya jika sekiranya barang ini mesti dibawa bersama oleh Anda ketika perjalanan.

Cara pelunasan ganti rugi oleh Kami adalah bergantung kepada nilai tunai barang tersebut samada berkurangan atau bersamaan dengan:-

- (i) harga nilai asal barang setelah ditolak susut nilai; atau
- (ii) kos mengantikan barang tersebut dengan barang yang seakan-akan buatan dan modelnya; atau
- (iii) kos pembaikan barang tersebut.

Yang telah termaktub dalam kandungan budi bicara Kami

Bagi mana-mana barang yang mempunyai pasangan atau set, Kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar lebih dari nilai bahagian yang rosak atau hilang, tanpa merujuk kepada mana-mana nilai yang tertentu untuk barang yang berpasangan/set tersebut. Kami berhak untuk memilih sama ada membaiki atau mengantikan mana-mana bahagian, untuk mengembalikan nilai pasangan/set kepada nilai sebelum berlakunya kerosakan atau kehilangan, ataupun membayar perbezaan nilai tunai bagi kerosakan atau kehilangan untuk bagasi dan barang peribadi yang dilindungi sebelum kejadian yang mengakibatkan kerugian/kehilangan tersebut.

Kesemua barang kemas, barang-barang yang mengandungi sebahagian atau secara keseluruhannya adalah perak, emas atau platinum, dan objek yang diperbuat daripada bahan-bahan yang bernilai, batu berharga, mutiara, jam tangan, bahan yang diperbuat sebahagian atau sepenuhnya daripada bulu, baragan fotografi mudah alih, baragan wayang gambar, komputer, alatan telefon, alatan untuk merekod bunyi dan gambar dan aksesorinya, hanya dilindungi daripada kecurian jika barang tersebut dibawa secara fizikal dan dengan sendiri oleh Anda untuk menaiki Penerbangan yang Dijadualkan.

#### **Pengecualian khas untuk Seksyen 2 (b) – Bagasi dan Barang Peribadi**

- a) Polisi ini tidak melindungi :-
  - 1. haiwan
  - 2. kenderaan dan alatan kenderaan, treler dan karavan, bot dan lain-lain jenis alat pengangkutan
  - 3. kontraban dan barang haram
  - 4. dokumen, surat pengenalan diri, kad bayaran atau kredit, tiket pengangkutan, wang tunai, saham dan cagaran
  - 5. alatan untuk kegunaan profesional
  - 6. kaca mata, kanta sentuh, alat bantuan pendengaran, anggota badan palsu, gigi palsu atau gigi pendakap gigi



7. kelengkapan dandanan diri, peralatan kosmetik
  8. aksesori termasuk aksesori fesyen
  9. filem,tape,kaset,disc atau cartridges,pen-drive,kad memori dan sebagainya
  10. telephone tangan, pagers, peralatan komputer mudah alih termasuk aksesori dan alatan bantuan peribadi
  11. kunci
  12. alatan muzik, barang lukisan, antik, barang yang dikumpul, perabot
  13. barang yang mudah rosak
  14. alatan meluncur, basikal, papan layar, peralatan golf, raket tenis dan lain-lain peralatan sukan kecuali jika ianya didaftar masuk sebagai berdaftar
- b) Kami tidak akan bertanggungjawab jika kerosakan atau kerugian yang disebabkan oleh:-
1. pecah atau retak bagi barang mudah pecah, kamera, alatan musik, radio dan apa-apa barang yang seumpama dengannya
  2. rampasan atau tahanan yang diarahkan oleh mana-mana pihak berkuasa am atau kerajaan
  3. tindakan jenayah
  4. kerosakan secara berperingkat atau haus dan lusuh
  5. kerosakan berpunca daripada serangga dan kutu
  6. kerosakan yang berlaku secara semula jadi
  7. kehilangan misteri
  8. pengangkutan kontraban atau perdagangan haram
  9. rampasan sama ada untuk dimusnahkan di bawah kuarantine atau peraturan kastam atau tidak
- c) Kami tidak akan bertanggungjawab untuk mana-mana kehilangan atau kerosakan untuk harta-harta yang dimana, pada waktu kejadian yang mengakibatkan kerosakan atau kehilangan, telah diinsuranskan oleh mana-mana insurans daripada syarikat insurans yang lain, atau telah diganti semula oleh AirAsia.

### Seksyen 2 (b)i – Penangguhan Bagasi

Kami akan membayar RM200.00 untuk setiap enam (6) jam bagi bagasi yang didaftar masuk tersebut lewat tiba tersalah destinasi atau tersalah letak oleh AirAsia dari waktu ketibaan Anda sehingga waktu menerima bagasi. Jumlah had maksima adalah seperti yang telah tercatat di dalam Jadual Manfaat.

Tempoh penangguhan akan dikira bermula pada masa ketibaan asal Penerbangan Terjadual sehingga masa sebenar bagasi diterima oleh Anda. Surat pengesahan daripada AirAsia ataupun agen yang mengendalikan tiket penerbangannya untuk jangka masa dan waktu bagasi diterima mencukupi sebagai bukti untuk tuntutan manfaat ini.

### Pengecualian Khas untuk Seksyen 2 (b)i – Penangguhan Bagasi

Kami tidak akan bertanggungjawab untuk kehilangan atau kerosakan yang disebabkan oleh:-

- (a) Lewat melaporkan kepada AirAsia berkenaan penangguhan bagasi
- (b) rampasan atau tahanan yang diarahkan oleh pihak berkuasa kastam, imigrasi dan/atau pihak awam
- (c) kegagalan Anda untuk mendapatkan surat pengesahan daripada AirAsia ataupun agen yang mengendalikan tiket penerbangannya untuk jangka masa dan waktu bagasi diterima.
- (d) Anda tidak membeli peruntukan bagasi dalam penerbangan yang dijadualkan.

**Polisi ini tidak akan membayar tuntutan Seksyen 2 (b) – Bagasi dan Barang Peribadi dan Seksyen 2 (b)i – Penangguhan Bagasi pada masa yang sama di atas satu jadual penerbangan dengan pengecualian bagasi dijumpai rosak atau barang peribadi hilang ketika bagasi dijumpai.**

### Seksyen 2 (c) – Penangguhan Penerbangan AirAsia

Jika berlakunya Penangguhan Penerbangan kepada pesawat yang dinaiki oleh Anda untuk sekurang-kurangnya 6 jam dan berturut-turut dari waktu asal yang telah dijadualkan di dalam Jadual Penerbangan yang diberikan kepada Anda, dan penangguhan ini adalah disebabkan oleh cuaca yang teruk, kerosakan peralatan atau tunjuk perasaan dan rampasan kenderaan (selain daripada rampasan pesawat) atau lain-lain tindakan industri yang dicetus oleh pekerja AirAsia, Kami akan membayar ganti rugi kepada Anda sebanyak RM150.00 sahaja untuk penangguhan 6 jam yang pertama dan RM150.00 untuk 6 jam seterusnya, sehingga had maksima seperti yang tercatat di dalam Jadual Manfaat yang dikepil bersama Sijil Insurans ini.

Tempoh penangguhan akan dikira bermula pada waktu asal perjalanan yang dijadualkan seperti yang tercatat di dalam Jadual Penerbangan sehingga bermulanya penerbangan alternatif pertama yang ditawarkan oleh AirAsia. Surat pengesahan untuk



jangka masa dan sebab penangguhan daripada AirAsia ataupun agen yang menguruskan tiket penerbangan mencukupi sebagai bukti untuk tuntutan manfaat ini.

#### **Pengecualian Khas untuk Seksyen 2 (c) – Penangguhan Penerbangan AirAsia**

Kami tidak akan bertanggungjawab untuk kehilangan atau kerosakan yang disebabkan oleh:-

- (a) kegagalan Anda untuk mendaftar masuk mengikut jadual yang diberikan kepadanya.
- (b) kegagalan Anda untuk menaiki penerbangan yang tersedia berikutnya yang ditawarkan oleh AirAsia.
- (c) kegagalan Anda untuk mendapatkan surat pengesahan daripada AirAsia ataupun agen yang mengendalikan tiket penerbangannya untuk jangka masa dan sebab penangguhan
- (d) rusuhan atau tindakan industri oleh syarikat/pengangkutan awam yang melibatkan selain daripada AirAsia dan telah wujud pada tarikh penerbangan dijadualkan
- (e) Anda tiba lewat di lapangan terbang (kecuali untuk ketibaan lewat yang disebabkan oleh rusuhan dan tindakan industri)
- (f) terjadi akibat daripada pembatalan atau penjadualan semula Penerbangan Terjadual melainkan jika disebabkan oleh Bencana Alam atau kerosakan peralatan
- (g) penjadualan semula atau kelewatan yang anda telah diberitahu 24 jam sebelum waktu berlepas yang pertama yang tertera di dalam jadual perjalanan
- (g) insurans yang dibeli dalam jangka masa **4 jam** daripada Jadual Penerbangan yang tertera dalam Tiket Penerbangan.

#### **Seksyen 2 (d) – Terlepas Penerbangan Sambungan AirAsia**

Jika berlakunya kejadian terlepas penerbangan yang telah dijadualkan di titik pertukaran pesawat yang disebabkan oleh kelewatan Penerbangan Terjadual yang dilindungi dan tiada Penerbangan Terjadual yang lain untuk dinaiki oleh Anda dalam masa sekurang-kurangnya 6 jam berikutnya dari waktu Penerbangan Sambungan Terjadual yang terlepas, Kami akan membayar Anda sebanyak RM300.00 untuk setiap 6 jam berturut-turut penangguhan sehingga had maksima seperti yang tercatat di dalam Ringkas Jadual Manfaat untuk Terlepas Penerbangan Sambungan.

Kami akan membayar kepada Anda sekiranya penangguhan penerbangan sambungan AirAsia adalah disebabkan:-

**Tune Insurance Malaysia Berhad (30686-K)**

Level 9, Wisma Tune, No 19 Lorong Dungun, Damansara Heights, 50490, Kuala Lumpur  
Office: +603 2087 9000 Fax: +603 2094 1366 Website: tuneinsurance.com

- (a) Cuaca buruk di tempat berlepas atau tempat ketibaan
- (b) Berlaku kemalangan kepada penerbangan sambungan
- (c) Terdapat masalah teknikal kepada penerbangan sambungan

#### **Pengecualian Khas untuk Seksyen 2 (d) – Terlepas Penerbangan Sambungan**

Kami tidak akan bayar untuk kerugian yang disebabkan oleh:-

- 1) Sebarang tindakan haram atau melanggar undang-undang yang dilakukan oleh Anda
- 2) Pelanggaran undang-undang kerajaan atau kegagalan Anda untuk mengambil langkah berjaga-jaga untuk mengelakkan tuntutan di bawah polisi berikut amaran mogok, rusuhan atau tunjuk perasaan melalui atau menggunakan media massa
- 3) kegagalan Anda untuk mendaftar masuk mengikut jadual yang diberikan
- 4) Rusuhan atau tindakan industri telah ada pada tarikh penerbangan dijadualkan
- 5) Bantahan atau larangan daripada pihak kerajaan atau Imigresen
- 6) Anda tidak sesuai untuk menaiki pesawat berdasarkan surat akuan doktor
- 7) pembatalan secara sukarela bagi Penerbangan yang Dijadualkan oleh Anda
- 8) Penerbangan sambungan seterusnya berlepas kurang daripada 3 jam daripada Penerbangan Semasa AirAsia
- 9) Penerbangan sambungan seterusnya tidak berada dalam Lapangan Terbang yang sama ketika ketibaan penerbangan semasa AirAsia.
- 10) Bencana alam seperti gempa bumi, letusan gunung berapi dan kesan-kesannya.
- 11) Insurans yang dibeli dalam jangka masa 4 jam daripada Jadual Penerbangan yang tertera dalam Tiket Penerbangan.

**Hanya jika:-**

**Polisi ini hanya akan membayar tuntutan bagi salah satu, sama ada Seksyen 2 (c) – Penangguhan Penerbangan AirAsia ataupun Seksyen 2 (d) - Terlepas Penerbangan Sambungan AirAsia, dan bukan kesemuanya sekali.**

#### **Seksyen 2 (e) – Jaminan Ketepatan Masa**

Jika berlakunya Penangguhan Penerbangan kepada pesawat yang dinaiki oleh Anda lebih daripada 2 jam berturut-turut dari waktu asal yang telah dijadualkan di dalam Jadual Penerbangan yang diberikan kepada



Anda, dan penangguhan ini adalah disebabkan oleh AirAsia, Kami akan membayar ganti rugi kepada Anda sebanyak RM200.00.

Masa perjalanan bermaksud :

- i. waktu yang telah dicatat di dalam jadual Anda
- ii. waktu berlepas yang baru di mana AirAsia telah memaklumkan Anda tidak lebih daripada 24 jam dari waktu asal jadual penerbangan .

Kelewatan itu hendaklah dikira dari masa yang dijadualkan asal sehingga bermulanya penerbangan alternatif pertama yang ditawarkan oleh AirAsia. Surat dari AirAsia ataupun agen yang mengendalikan mengesahkan jangka masa dan sebab penangguhan dan pas masuk anda dikeluarkan dalam penerbangan yang terjejas mencukupi sebagai bukti untuk tuntutan manfaat ini.

#### **Pengecualian Khas untuk Seksyen 2 (e) – Jaminan Ketepatan Masa**

Kami tidak akan bertanggungjawab untuk kerugian yang disebabkan oleh:-

- (i) Sebarang tindakan haram atau melanggar undang-undang yang dilakukan oleh Anda
- (ii) Pelanggaran undang-undang kerajaan atau kegagalan Anda untuk mengambil langkah berjaga-jaga untuk mengelakkan tuntutan di bawah polisi berikutan amaran mogok, rusuhan atau tunjuk perasaan melalui atau menggunakan media massa
- (iii) kegagalan Anda untuk mendaftar masuk mengikut jadual yang diberikan
- (iv) kegagalan Anda untuk menaiki penerbangan yang tersedia berikutnya yang ditawarkan oleh AirAsia.
- (v) Rusuhan atau tindakan industri telah ada pada tarikh penerbangan yang dijadualkan
- (vi) Terdapat bantahan daripada pihak kerajaan ataupun kuasa imigrasi
- (vii) Anda tidak sesuai untuk menaiki pesawat berdasarkan surat akuan doktor
- (viii) Penangguhan penerbangan disebabkan oleh keadaan yang tidak dapat dikawal oleh AirAsia seperti cuaca buruk, kawalan trafik udara, penutupan lapangan terbang, rusuhan dan bencana alam
- (ix) penjadualan semula atau kelewatan yang anda telah diberitahu 24 jam sebelum waktu berlepas yang pertama yang tertera di dalam jadual perjalanan
- (x) Insurans yang dibeli dalam jangka masa 4 jam daripada Jadual Penerbangan yang tertera dalam Tiket Penerbangan.

#### **Pengecualian Am bagi semua Bahagian dan Seksyen:**

Insurans ini tidak melindungi:-

- (1) pembayaran yang akan menyebabkan perlanggaran undang-undang kerajaan;
- (2) kematian atau kecederaan anggota badan yang disebabkan secara langsung ataupun tidak oleh peperangan, pencerobohan, tindakan musuh luar, permusuhan atau operasi seakan peperangan (sama ada peperangan diisyiharkan atau tidak), pemberontakan, perang saudara, penentangan, revolusi, bangkitan kuasa, konspirasi, tindakan ketenteraan ataupun rampasan kuasa, undang-undang ketenteraan atau penawanahan negeri, penyitaan, kuarantin atau peraturan kastam atau pemilikan negara oleh atau di bawah arahan mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa awam atau tempatan.
- (3) Kelewatan, serangan, rampasan, pembinasan, tuntutan, penahanan atau tahanan oleh kastam atau mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa awam atau tempatan
- (4) melanggar atau cubaan melanggar mana-mana undang-undang atau melawan penangkapan oleh pihak berkuasa yang berkenaan
- (5) Orang yang Diinsuranskan berumur di bawah 9 hari atau melebihi 75 tahun (dikira dari tarikh terakhir hari lahir semasa tarikh insurans dibeli)
- (6) ahli-ahli anggota bersenjata yang sedang bertugas atau mengambil bahagian dalam perkhidmatan tentera laut, tentera darat, tentera udara atau mengambil bahagian dalam operasi pertahanan yang dirancang atau dikelola oleh pihak awam atau pihak berkuasa tentera untuk menentang penjahat, pengganas atau unsur-unsur yang lain
- (7) semasa penerbangan kecuali penumpang berbayar di dalam mana-mana pesawat persendirian berlesen dan/atau pesawat komersial yang dikendalikan oleh AirAsia

**Tune Insurance Malaysia Berhad (30686-K)**

Level 9, Wisma Tune, No 19 Lorong Dungun, Damansara Heights, 50490, Kuala Lumpur  
Office: +603 2087 9000 Fax: +603 2094 1366 Website: tuneinsurance.com

- |  |   |
|--|---|
| <p>(8) apa-apa kecederaan fizikal atau hilang upaya serius yang berpunca secara langsung atau tidak, disumbangkan oleh atau dipercepatkan dengan penggunaan, pembebasan atau perlepasan bahan-bahan nuklear yang secara langsung atau tidak menyebabkan kesan tindakan nuklear atau radioaktif; atau penyebaran atau penggunaan patologi atau keracunan biologi atau bahan-bahan kimia atau perlepasan bahan patologi atau keracunan biologi atau bahan-bahan kimia. Untuk tujuan pengecualian ini, kecederaan fizikal serius bermaksud kecederaan fizikal yang melibatkan risiko kematian dan/atau berlarutan, kecacatan fizikal yang nyata dan/atau berlarutan atau kerosakan fungsi anggota badan atau organ.</p> <p>(9) Keadaan Sedia Ada</p> <p>(10) bunuh diri, cubaan untuk membunuh diri atau mana-mana niat untuk mencederakan diri sendiri yang dilakukan oleh Anda sama ada Anda waras atau tidak waras</p> <p>(11) rawatan untuk ketagihan alkohol atau dadah atau komplikasi kemalangan yang terjadi di bawah pengaruh apa juga jenis dadah;</p> <p>(12) kehamilan, keguguran atau kelahiran anak, atau apa-apa rawatan berkaitan dengan pencegahan kehamilan atau rawatan yang berkaitan dengan kesuburan atau lain-lain kesulitan yang berpunca daripadanya</p> <p>(13) psikosis, gangguan mental atau ketidakstabilan jiwa atau gangguan tidur</p> <p>(14) pembedahan kosmetik atau plastik atau apa-apa pembedahan elektif</p> <p>(15) apa-apa kecacatan sejak lahir di mana telah dapat dilihat dengan jelas dan telah didiagnosis sebelum tarikh polisi berkuat kuasa</p> <p>(16) apa-apa cara penjagaan atau pembedahan gigi melainkan yang diperlukan akibat kecederaan yang disebabkan oleh kemalangan yang dilindungi di bawah Polisi untuk gigi asal dan sihat</p> <p>(17) pemeriksaan kesihatan biasa, mana-mana penyiasatan perubatan yang secara tidak langsung berkaitan dengan diagnosis kemasukan hospital, kesakitan atau</p> | <p>kedederaan atau apa-apa rawatan berkaitan</p> <p>(18) Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau apa-apa komplikasi yang berkaitan dengan jangkitan apa-apa Human Immuno-deficiency Virus (HIV) (untuk tujuan Polisi ini, definisi untuk AIDS hendaklah sebagaimana yang digunakan oleh Organisasi Kesihatan Sedunia pada 1987, atau apa-apa semakan selepas itu oleh Organisasi Kesihatan Sedunia untuk definisi tersebut; jangkitan hendaklah dianggap terjadi apabila darah atau ujian-ujian yang berkaitan yang dicadangkan oleh Kami menunjukkan sama ada wujudnya Human Immune Deficiency Virus atau antibodi untuk virus sedemikian.)</p> <p>(19) apa-apa kecederaan yang dialami semasa menjalankan tugas sebagai anak kapal untuk mana-mana pesawat kecuali sebagai penumpang berbayar di dalam mana-mana pesawat yang mempunyai sijil udara yang sah yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan di negara ianya didaftarkan</p> <p>(20) memandu atau menunggang di dalam apa-apa perlumbaan yang melibatkan kendaraan bermotor</p> <p>(21) Anda tiba lewat di lapangan terbang Penerbangan yang Dijadualkan selepas masa pendaftaran rasmi</p> <p>(22) kegagalan Anda untuk mengambil langkah berjaga-jaga demi melindungi, menyelamat, atau mendapatkan semula bagasi yang hilang</p> <p>(23) kegagalan Anda untuk memberitahu pihak Kami penerbangan tentang kehilangan bagasi pada destinasi yang dijadualkan dan untuk memperolehi laporan luar biasa</p> <p>(24) pihak Kami tidak akan memberi perlindungan untuk mana-mana kerugian, kecederaan, kerosakan atau liabiliti guaman disebabkan atau dialami secara langsung atau tidak dari perjalanan ke atau melalui Afghanistan, Cuba, Democratic Republic of Congo, Iraq, Liberia, Sudan atau Syria</p> <p>(25) terlibat, berlatih atau menyertai sukan secara profesional atau apabila Anda boleh menjana pendapatan atau hadiah melalui penglibatan dalam sukan sedemikian</p> |
|--|---|



- (26) penyiasatan perubatan, pemulihan, penjagaan atau penjagaan ketika pemulihan yang tidak diperlukan
- (27) mana-mana kerugian, kecederaan, kerosakan atau liabiliti guaman disebabkan atau dialami secara langsung atau tidak oleh Anda jika dia adalah seorang:-
  - (a) pengganas
  - (b) anggota pertubuhan pengganas
  - (c) pembekal nuklear, kimia atau senjata biologi
  - (d) pengedar narkotik
- (28) Mana-mana kerugian yang terjadi secara langsung atau tidak (secara keseluruhan atau sebahagiannya) daripada :
  - (a) pandemik
  - (b) wabak penyakit

## Terma dan Syarat untuk Keseluruhan Polisi

- (1) Keseluruhan Kontrak  
Sijil Insurans ini mengandungi terma dan syarat untuk perlindungan insurans dan manfaat yang disediakan dengan ini sentiasa tertakluk kepada terma dan syarat Polisi Induk.
- (2) Mematuhi terma dan syarat Insurans  
Kami hanya akan membayar tuntutan yang dibuat ke atas Polisi ini jika Anda mematuhi segala terma dan syarat seperti yang terdapat di dalam Sijil Insurans.
- (3) Salah Nyata dalam Permohonan  
Manfaat tidak akan dibayar dan Polisi ini akan dianggap terbatal pada pilihan Kami jika
  - (a) kegagalan untuk memberitahu atau salah nyata dalam mana-mana fakta yang berkaitan dengan Anda yang perlu diketahui untuk penyediaan insurans di bawah ini yang perlu untuk dinyatakan sebagai bukti boleh insurans
  - (b) sekiranya terdapat kes penipuan
- (4) Perubahan  
Kami berhak untuk meminda terma dan peruntukan Polisi dan pada bila-bila masa dengan persetujuan bertulis di antara Kami dan AirAsia. Apa-apa pindaan kepada Polisi hendaklah mengikat ke atas semua orang sama ada diinsuranskan dibawah Polisi sebelum, semasa, atau selepas tarikh permindaan berkuat kuasa. Tiada perubahan yang sah di dalam Polisi selain diluluskan oleh wakil-wakil

yang diberikuasa oleh Kami dan kelulusan sedemikian diendors di dalam perjanjian ini.

- (5) Matawang Bayaran  
Bayaran untuk apa-apa tuntutan yang dilindungi di bawah Polisi ini hendaklah dibuat dalam matawang Ringgit Malaysia atau mana-mana matawang lain yang sama nilainya dengan kadar pertukaran yang lazim seperti yang diisytiharkan oleh Bank Negara pada masa bayaran berkuat kuasa sekiranya diperlukan oleh Anda atau wakil dirinya yang sah adalah dibenarkan.
- (6) Had Pampasan  
Had Pampasan adalah menurut Jadual Manfaat
- (7) Umur  
Semua umur yang dirujuk di dalam Polisi ini adalah umur Anda pada hari lahir terakhirnya
- (8) Negara Menetap  
Perlindungan yang diberikan kepada You adalah tertakluk kepada mereka yang menetap di Malaysia atau untuk bukan penduduk, ke atas perjalanan melalui Malaysia atau transit melalui lapangan terbang Malaysia
- (9) Notis dan Langkah-langkah Tuntutan
  - (a) Apabila berlakunya sesuatu kejadian yang membawa kepada tuntutan, Anda hendaklah:-
    - (i) memberitahu Kami secara bertulis secepat mungkin dengan mengisi borang tuntutan seperti yang disediakan oleh Kami tetapi tidak boleh melebihi dari 30 hari daripada tarikh kejadian yang menyebabkan tuntutan
    - (ii) menyediakan untuk Kami bukti-bukti yang relevan, tidak hanya informasi, butir-butir, akuan, resit asal, invois, penyataan daripada Anda, repot dan lain-lain dokumen yang diperlukan oleh Kami, dengan kos sendiri.
    - (iii) Menyediakan dokumen yang diperlukan dalam masa yang secepat mungkin untuk pemeriksaan Kami dan bekerjasama dengan Kami dalam semua hal yang berkaitan dengan kehilangan dan tuntutan. Kegagalan untuk memenuhi syarat ini boleh menyebabkan syak dalam tuntutan
  - (b) Informasi dan dokumen yang berikut perlu diberikan kepada Kami dalam apa

**Tune Insurance Malaysia Berhad (30686-K)**

Level 9, Wisma Tune, No 19 Lorong Dungun, Damansara Heights, 50490, Kuala Lumpur  
Office: +603 2087 9000 Fax: +603 2094 1366 Website: tuneinsurance.com



- juga keadaan jika berlaku tuntutan :-
- (i) salinan rekod dan/atau borang cas yang berkaitan sebagai bukti pembelian Tiket Penerangan yang telah Dijadualkan, telah dicas ke dalam akuan kad kredit Orang yang Diinsuranskan
- (ii) laporan luar biasa untuk harta daripada AirAsia jika kehilangan bagasi, termasuk butir-butir Penerangan yang telah Dijadualkan dan/atau maklumat bertulis dan pengesahan untuk penangguhan dan jumlah kehilangan
- (c) Segala langkah-langkah yang perlu telah diambil oleh Orang yang Dilindungi bagi melindungi dan mendapatkan semula bagasi yang hilang dan/atau barang peribadi. Apa-apa penangguhan dan/atau kegagalan penghantaran bagasi akan segera dilaporkan kepada mana-mana wakil AirAsia Berhad yang diberi kuasa untuk menerima laporan tersebut.
- (10) **Bukti Kehilangan/Kerugian**  
Bukti bertulis untuk kerugian perlulah diberikan kepada Kami di pejabat yang dinyatakan dalam masa 90 hari selepas tarikh kehilangan/kerugian. Sekiranya mustahil untuk menyediakan bukti-buktি tersebut di dalam jangka masa yang ditetapkan, kegagalan untuk menyediakan bukti sedemikian dalam masa yang diperuntukan tidak akan menyebabkan tuntutan tidak sah atau mengurangkan nilai tuntutan tetapi bukti-buktি tersebut haruslah diberikan kepada Kami secepat mungkin dan tiada kejadian, melainkan ketika tiada keupayaan guaman, melebihi dari satu tahun untuk menyediakan bukti-buktি tersebut.
- (11) **Kesan daripada Penipuan**  
Apa-apa penipuan, salah nyata atau penyembunyian yang berkaitan dengan insurans ini atau apa-apa tuntutan di bawah ini akan menyebabkan perlindungan insurans dan manfaat-manfaat yang disediakan terbatal dan tidak sah.
- (12) **Pemeriksaan Perubatan**  
Kami, dengan perbelanjaan sendiri hendaklah mempunyai hak untuk meminta bukti tambahan dan meminta pemeriksaan perubatan ke Anda pada bila-bila masa dan dengan sekrap mungkin yang diperlukan semasa tempoh menunggu keputusan tuntutan dan untuk menjalankan
- (13) juga keadaan jika berlaku tuntutan :-  
(i) salinan rekod dan/atau borang cas yang berkaitan sebagai bukti pembelian Tiket Penerangan yang telah Dijadualkan, telah dicas ke dalam akuan kad kredit Orang yang Diinsuranskan  
(ii) laporan luar biasa untuk harta daripada AirAsia jika kehilangan bagasi, termasuk butir-butir Penerangan yang telah Dijadualkan dan/atau maklumat bertulis dan pengesahan untuk penangguhan dan jumlah kehilangan
- (14) **Kepada Siapa Tuntutan Dibayar**  
Pembayaran tuntutan untuk kehilangan nyawa Orang yang Diinsuranskan akan dibayar kepada penama (penama-penama) yang dipilih oleh Orang yang Diinsuranskan dan jika tiada penamaan dibuat, penerima yang sah adalah seperti yang ditentukan di bawah Akta Probet dan Pentadbiran Malaysia (untuk orang asing, bayaran sedemikian akan dibayar berdasarkan Undang-undang Probet negara asal Anda). Ganti rugi untuk semua manfaat akan dibayar kepada Orang yang Diinsuranskan atau estetnya selepas kematian. Proses untuk tuntutan termasuklah penyelesaian yang dikendalikan secara terus di antara Kami, Anda dan mungkin estet Anda, satu-satunya pelepasan akan dianggap sebagai pelepasan penuh dan muktamad untuk tuntutan yang dilaporkan.
- (15) **Klaus Sambungan**  
Kami tidak bertanggungjawab untuk membuat apa-apa bayaran atau menanggung liabiliti untuk perlindungan sambungan bagi Polisi ini atau membuat pembayaran di bawah kehilangan dan tuntutan yang disebabkan atau dimana Anda atau penerima yang dilindungi di bawah Polisi ini adalah warganegara atau sebahagian daripada kerajaan atau mana-mana negara yang tidak mengiktiraf undang-undang atau syarat-syarat yang terkandung di dalam Polisi atau Syarikat ini, Syarikat Induknya atau entiti pengawalan utamanya yang telah menujuhan halangan atau apa-apa bentuk halangan ekonomi dimana terdapat kesan yang menghalang Kami untuk memberikan perlindungan insurans, membuat hubungan bisnes dengannya atau menawarkan manfaat ekonomi kepada Anda atau mana-mana penerima dibawah Polisi ini. Ia juga difahami dan dipersetujui bahawa tiada manfaat atau pembayaran yang akan dibuat kepada mana-mana penama (penama-penama) yang diisyiharkan tidak boleh menerima manfaat ekonomi dibawah undang-undang dan syarat-syarat yang tertakluk di bawah Polisi dan Syarikat ini, Syarikat Induk dan entiti pengawal utamanya.
- (16) **Resit**

**Tune Insurance Malaysia Berhad (30686-K)**

Level 9, Wisma Tune, No 19 Lorong Dungun, Damansara Heights, 50490, Kuala Lumpur  
Office: +603 2087 9000 Fax: +603 2094 1366 Website: tuneinsurance.com

	Kami tidak akan mengikut mana-mana notis atau apa-apa tuduhan pecah amanah, lien, tugasan atau urusan lain dengan Sijil Insurans, Penerimaan oleh Anda untuk apa-apa pampasan yang dibayar dengan ini hendaklah dalam semua kes melepaskan liabiliti Kami.	Mana-mana syarat yang tertakluk di dalam Polisi ini yang pada tarikh ia dikeluarkan adalah bercanggah dengan undang-undang negara di mana Sijil Insurans telah dikeluarkan dan dihantar, Polisi ini akan mengikut undang-undang Malaysia.
(16)	Hak Penama Persetujuan panama tidak akan menjadi prasyarat untuk menamatkan atau membatalkan Polisi atau untuk pertukaran penama atau untuk tujuan itu untuk apa-apa perubahan di dalam Polisi.	(23) Tanggungjawab yang Ditanggung oleh Tune Insurance Malaysia Berhad Apa-apa isu, hal atau tuntutan yang berkaitan dengan Sijil Insurans ini secara penuh atau separa adalah sepenuhnya tanggungjawab Tune Insurance Malaysia Berhad, dan tidak akan dalam apa-apa hal pun melibatkan AirAsia Berhad.
(17)	Hak Pemilikan Polisi ini adalah milik AirAsia.	(24) Bahasa yang Digunakan Jika terdapat apa-apa percanggahan atau maklumat yang tidak konsisten di dalam dokumen dan kandungan bagi versi yang diterbitkan dalam bahasa lain, kandungan yang akan diambil kira adalah dari dalam dokumen yang diterbitkan dalam Bahasa Inggeris.
(18)	Proses Undang-undang Tindakan undang-undang atau dalam ekuiti tidak akan diambil sama sekali selepas setahun dari tarikh berlakunya kejadian yang dilindungi.	
(19)	Fasal Timbang Tara Apa-apa percanggahan yang terjadi di antara Kami dan Anda dan/atau wakil-wakil yang sah yang berkaitan dengan Polisi atau hak-hak dan tanggungan oleh pihak (pihak-pihak) berkaitan akan dirujuk kepada penimbangtara. Timbangtara akan dilakukan oleh mana-mana seorang penimbangtara yang dipersetujui oleh semua pihak yang terlibat dalam masa 14 hari dari tarikh bermulanya timbangtara. Jika ini tidak dapat dipenuhi, seorang penimbangtara yang bersesuaian akan dilantik dan tertakluk kepada Akta Timbangtara Malaysia atau mana-mana ubahsuai berkanun atau pembuatan semula dalam tempoh ia berkuat kuasa.	(25) Perlindungan yang Serupa Jika berlakunya kejadian di mana Anda dilindungi oleh lebih dari satu polisi yang dibeli melalui AirAsia Berhad dan/atau Syarikat Bersekutunya, manfaat akan dibayar berdasarkan jumlah manfaat yang terbesar. Jika jumlah manfaat adalah sama, Kami akan hanya melayan tuntutan yang dibuat oleh Anda di bawah perlindungan Polisi yang diisukan terlebih dahulu.
(20)	Had Masa untuk membawa Timbangtara Sekiranya tuntutan dibuat di bawah Polisi ini ditolak oleh Kami, Anda atau wakil dirinya yang sah akan memulakan prosedur timbangtara dalam masa 6 bulan selepas penolakan tersebut, dan sekiranya gagal berbuat demikian, Kami akan dibebaskan daripada semua liabiliti daripada tuntutan tersebut.	(26) Pembatalan Penerbangan oleh AirAsia/ Orang yang Diinsuranskan (a) Polisi Insurans Perjalanan akan luput jika Anda memilih AirAsia Kredit Shell. Walaubagaimanapun premium akan dipulangkan sebagai kredit untuk Anda membeli tiket penerbangan AirAsia yang baru.  (b) Polisi Insurans Perjalanan akan luput jika Anda memilih Pengembalian Wang. Premium akan dipulangkan bersama dengan jumlah keseluruhan yang diterima daripada AirAsia.
(21)	Pembatalan Sebaik sahaja Sijil Insurans dikeluarkan, ianya tidak boleh dibatalkan.	(27) Tafsiran umum Apabila konteksnya menghendaki, bentuk maskulin terpakai bagi feminin dan istilah tunggal termasuk jamak dan sebaliknya.
(22)	Mematuhi Undang-undang	



## Keterangan dan Kenyataan Polisi

1. Di bawah rangka berwaspada Kawalan Korporat, pihak-pihak berikut boleh dihubungi untuk sesiapa yang ingin membuat aduan:-

Ketua Pegawai Eksekutif  
Tune Insurance Malaysia Berhad  
Level 9, PNB Damansara,  
No.19, Lorong Dungun,  
Damansara Heights  
50490 Kuala Lumpur

Tel: 03-2087 9000  
Fax: 03-2094 1366

Mana-mana pemegang Polisi yang tidak berpuas hati dengan keputusan yang dibuat oleh Syarikat Insurans boleh menulis surat kepada Pengantara, memberi maklumat yang tidak dipersetujui, nama Syarikat Insurans dan nombor Polisi. Salinan surat antara pemegang Polisi dan pihak syarikat insurans perlu diserahkan untuk memudahkan pengurusan hal tersebut.

Biro Pengantaraan Kewangan  
Tingkat 25, Dataran Kewangan Darul Takaful,  
No. 4 Jalan Sultan Sulaiman,  
5000 Kuala Lumpur.

Tel : 03-2272 2811  
Fax : 03-2274 5752

Mana-mana pemegang Polisi yang tidak berpuas hati dengan keputusan yang dibuat oleh Syarikat Insurans boleh menulis surat kepada Biro Tindakan Komplen PIAM, memberi maklumat yang tidak dipersetujui, nama Syarikat Insurans dan nombor Polisi atau nombor Tuntutan, bersama-sama dengan lain-lain dokumen yang berkaitan.

Biro Tindakan Komplen PIAM  
Tingkat 3, Wisma PIAM,  
150, Jalan Tun Sambanthan,  
50470, Kuala Lumpur.

Tel : 03-2274 7395/9  
Fax : 03-2274 5910

2. Bersandarkan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, sebarang "Transaksi yang Mencurigakan" seperti yang termaktub di bawah undang-undang hendaklah dilaporkan kepada pihak berkuasa yang berkenaan di Bank Negara Malaysia.

### 3. **PEMBERITAHUAN CUKAI BARANGAN DAN PERKHIDMATAN MULAI 1 APRIL 2015**

Pemberitahuan bahawa pelaksanaan Akta Barangian dan Perkhidmatan (2014) (GST), Syarikat Berhak untuk mengenakan dan memungut 6% GST ke atas semua polisi yang dikeluarkan pada 1 April 2015 dan seterusnya

Dan jumlah GST yang dikenakan hendaklah dibayar oleh pemegang polisi.

### **Notis**

Untuk segala maksud dan tujuan, dimana terdapat konflik atau kekaburuan terhadap makna dalam peruntukan Bahasa Malaysia dimana-mana bahagian kontrak, adalah dengan ini dipersetujui bahawa kontrak versi Bahasa Inggeris hendaklah digunakan.

**Tune Insurance Malaysia Berhad (30686-K)**

Level 9, Wisma Tune, No 19 Lorong Dungun, Damansara Heights, 50490, Kuala Lumpur  
Office: +603 2087 9000 Fax: +603 2094 1366 Website: tuneinsurance.com